

SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LAGU KANAK-KANAK DBP 2025

1. Penyertaan secara individu.
2. Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali urus setia atau ahli keluarga terdekat pihak penganjur.
2. Setiap penyertaan yang dihantar kepada urus setia mestilah menggunakan borang yang telah disediakan berserta lampiran seperti yang berikut:
 - i. Dua (2) audio lagu dalam format MP3 (audio lagu minus-1 dan audio lagu yang dinyanyikan).
 - ii. Lirik lagu yang baik dan betul dalam bahasa Melayu.
 - iii. Nota lagu lengkap berserta lirik di bawahnya.
3. Peserta boleh menghantar maksimum dua (2) buah lagu bagi setiap kategori. Setiap lagu perlu dirakam secara berasingan dan dilabelkan dengan tajuk lagu. Walau bagaimanapun, setiap peserta hanya layak memenangi satu hadiah daripada setiap kategori.
4. Lagu-lagu yang dihasilkan mestilah diiringi alat muzik berkod (chordal instrument) seperti gitar, keyboard dan piano manakala alat muzik tradisional boleh digunakan bagi kategori lagu tradisional.
5. Bentuk lagu:
 - i. Kategori A (Lagu irama bebas kanak-kanak)
 - Bentuk (form) lagu harus sesuai dengan jiwa serta melambangkan alam kanak-kanak.
 - Aliran lagu atau melodi mestilah mudah dinyanyikan dengan menggunakan nada suara (vocal range) yang selesa untuk dinyanyikan oleh kanak-kanak.
 - ii. Kategori B (Lagu irama tradisional kanak-kanak)
 - Bentuk lagu menjadi ciri penentu lagu tradisional.
 - Lagu hendaklah mempunyai unsur atau melodi tradisional atau lagu rakyat Melayu lama dan sesuai dinyanyikan dalam irama (rhythm) tradisional.
6. Format dan panjang lagu seperti berikut:
 - i. Kategori A (6-12 Tahun)

Format AB atau (A1A2,B1B2) atau (A1B1,A2B2) atau (ABCD). Panjang lagu tidak melebihi 32 bar. Lagu haruslah dalam rentak bebas dan sesuai untuk alam kanak-kanak dalam berbagai-bagai masa seperti $\frac{2}{4}, \frac{3}{4}, \frac{4}{4}, \frac{6}{8}$ dan lain-lain.
 - ii. Kategori B (lagu irama tradisional kanak-kanak: 6-12 tahun)

Format (AB) atau (A1A2) atau (ABA) atau (A1A2,B1B2) atau (A1A2,BA3). Panjang lagu tidak melebihi 32 bar.
7. Penilaian markah berdasarkan dua (2) aspek, iaitu melodi dan lirik.
8. Lirik lagu mestilah sesuai untuk peringkat kanak-kanak mengikut umur dengan pilihan kata-kata dan penerapan nilai pendidikan, kemanusiaan, motivasi dan patriotisme yang dapat meningkatkan pemikiran serta menarik minat kanak-kanak.
9. Lagu hendaklah ciptaan atau karya asal peserta dan belum pernah diizinkan untuk/atau diterbitkan dalam apa-apa juga bentuk media kepada mana-mana pihak lain. Pihak penganjur

berhak membatalkan sebarang penyertaan atau kemenangan dan menarik balik hadiah jika lagu tersebut bukan ciptaan atau karya asal peserta atau karya tersebut pernah diterbitkan.

10. Sekiranya pihak pengajur mendapati lirik atau melodi yang dihasilkan menggunakan AI, secara automatik penyertaan akan dibatalkan.
10. Penerbit tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa perundingan dengan pihak ketiga berkaitan dengan hak cipta karya yang dipertandingkan (jika ada).
11. Pihak pengajur mempunyai hak eksklusif untuk menerbitkan sepenuhnya lagu-lagu yang memenangi pertandingan ini dalam apa-apa bentuk atau format pada masa hadapan bagi maksud mempromosikan hasil karya, menyertai pameran, siaran media dan lain-lain maksud tanpa perlu mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu.
12. Pengajur juga mempunyai hak untuk menyunting, mengubah suai, menghasilkan semula, mengedarkan atau menyiarkannya untuk tujuan rasmi dan menarik balik mana-mana peraturan tanpa sebarang notis.
13. Lagu ciptaan yang telah dihantar kepada pengajur tidak boleh dimuat naik dalam mana-mana platform media sosial.
14. Kos penyertaan dan penghasilan karya ditanggung oleh peserta.
15. Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta kehilangan bahan karyanya semasa dalam proses penghantaran. Semua bahan penyertaan tidak akan dikembalikan.
16. Borang penyertaan boleh diperoleh melalui pautan atau kod QR yang dipaparkan dalam pelantar penerbitan DBP, iaitu JendelaDBP (jendeladbp.my) dan media sosial DBP.
17. Kesemua bahan penyertaan seperti yang dinyatakan dalam perkara 2 berserta borang penyertaan hendaklah dihantar kepada urus setia pada atau sebelum **1 Jun 2025**.
18. Senarai pemenang akan diumumkan menerusi Jendela DBP atau melalui media sosial DBP (Facebook: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Twitter: Dewan Bahasa dan Pustaka, YouTube: DBPMalaysia) dalam tempoh (6) bulan dari tarikh tutup pertandingan.
19. Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang surat-menyerat tidak akan dilayan.